

25 MAR 1998

MTEN SIAPKAN ENAM KERTAS KERJA MENGANDUNGI USUL PULIHKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sudah menyiapkan enam kertas kerja yang mengandungi usul serta cadangan bagi pemulihan ekonomi negara, kata anggota jawatankuasa kerja MTEN, Dr Mahani Zainal Abidin.

Secara khusus, katanya, kertas-kertas kerja itu membabitkan soal pasaran modal, matawang dan pertumbuhan ekonomi negara, yang maklum balas mengenainya diperolehi menerusi pertemuan jawatankuasa kerja MTEN dengan 200 kumpulan sejak 8 Jan lepas.

Sebanyak 24 lagi kertas kerja bagi tujuan yang sama dijangka siap sebelum akhir April ini, kata Mahani, yang juga pensyarah ekonomi Universiti Malaya, pada majlis dialog "Kesan Kegawatan Ekonomi Atas Agenda Nasional" di Bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Menurutnya, apabila siap, kesemua kertas kerja itu akan diserahkan kepada Jawatankuasa Eksekutif MTEN selepas ianya mendapat kelulusan Pengarah Eksekutif MTEN, Tun Daim Zainuddin.

Jawatankuasa Eksekutif kemudiannya akan menentukan sama ada kertas-kertas kerja itu perlu diserahkan terus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau dihantar kepada Jemaah Menteri atau MTEN itu sendiri.

Mahani berkata, 200 kumpulan yang ditemui itu terdiri daripada wakil-wakil sektor-sektor utama kerajaan seperti Bank Negara, Petronas dan Kementerian Kewangan, sektor awam dan swasta termasuk badan-badan profesional, sosial, industri pembuatan, kewangan dan media asing.

Menurutnya, kegawatan ekonomi yang dihadapi kini berbeza dengan yang dialami pada pertengahan 1980an kerana kali ini, ia berpunca dari sektor swasta, ketidakstabilan matawang dan kemasukan modal asing.

Kegawatan pada pertengahan 1980an, jelasnya, berpunca dari defisit besar yang dihadapi kerajaan berikutan penurunan eksport akibat kejatuhan harga komoditi utama negara.

"Jadi, masalah yang dihadapi kini lebih besar. Ia mungkin memerlukan lebih banyak masa untuk dicari penyelesaian manakala tindakan yang boleh diambil juga agak terhad," katanya.

Menurut Mahani, usaha penyelesaian yang dilakukan dulu "lebih mudah" kerana ia membabitkan pengurangan peranan kerajaan serta pengenalan dasar liberalisasi menerusi sektor swasta.

Seorang lagi anggota panel, Ketua Pengawai Eksekutif L & G Twintech Sdn Bhd, Dr Ismail Md Salleh berkata, kegawatan yang dihadapi merupakan cabaran kepada sistem ekonomi negara yang jika tidak ditangani secara efektif, boleh menggugat ideologi pasaran terbuka negara seperti yang berlaku dalam sistem komunis Rusia pada akhir 1980an.

Beliau berpendapat, kegawatan yang dialami kini berakar umbi dari dasar penswastaan yang diperkenalkan pada pertengahan 80an, dimana sektor swasta yang diberikan peranan lebih dalam ekonomi bergantung kepada pinjaman dan aset luar, terutama modal jangka pendek, yang kini membawa kesan kepada kestabilan matawang negara.

Bagaimanapun, katanya, agenda nasional seperti pembahagian kekayaan sama rata antara kaum dan peluang pendidikan perlu diteruskan walaupun dalam kegawatan.

Menjawab soalan Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya Prof Dr Firdaus Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar, yang merupakan anggota panel utama, mengakui bahawa agenda nasional

mungkin terjejas di tengah-tengah kegawatan ini jika pertumbuhan ekonomi negara tidak kekal atau melebihi paras tujuh peratus sehingga tahun 2020.

Kepada soalan lain oleh Firdaus, Ismail berpendapat bank-bank kecil perlu diberi kelonggaran tertentu dan dikecualikan daripada bergabung dengan bank-bank besar seandainya ia berupaya memberi khidmatnya tanpa perlu bersaing dengan bank-bank besar.

Di negara barat misalnya, bank-bank kecil terus wujud dan berupaya pula menghasilkan produk-produk yang inovatif and kreatif, tambahnya.

Yang Di-Pertua Dewan Negara Tan Sri Mohamed Yaacob dan timbalannya Datuk Michael Chen adalah antara 40 orang yang menghadiri dialog sehari anjuran Anggota-Anggota Parlimen Wanita Komanwel cawangan Malaysia itu. --
BERNAMA

RA MSL MA